

**SOALAN NO. 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @TIAN CHUA  
[BATU]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa jumlah orang yang menerima pertolongan kewangan dari JKM telah diberhentikan semenjak tahun 2013 atas alasan tiada dana. Ada juga diantara golongan OKU yang diberhentikan pertolongan, sila jelaskan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memberikan bantuan kebajikan kepada golongan miskin dan kumpulan sasar yang memerlukan supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup. Setiap permohonan yang diterima akan disiasat dan dinilai sebelum sesuatu bantuan dapat diluluskan.

Ingin saya maklumkan bahawa pada tahun 2013 dan 2014, tiada penerima bantuan kebajikan diberhentikan atas alasan ketiadaan dana di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik tahun 2013, sebanyak 70,813 kes atau 14% daripada jumlah penerima bantuan kewangan bulanan JKM telah ditamatkan kerana tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan atas faktor berikut:

- i. peningkatan tahap sosio ekonomi serta mampu berdikari;
- ii. penerima bantuan meninggal dunia;

- iii. bagi bantuan Elaun Pekerja Cacat, pendapatan individu tersebut telah melebihi RM 1,200 sebulan; dan
- iv. ada di antara penerima bantuan ini telah menerima bantuan daripada agensi lain seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Majlis Agama Islam Negeri.

Sehubungan itu, boleh disimpulkan bahawa tiada penerima bantuan JKM yang ditamatkan pemberian bantuan kerana ketidakcukupan dana di pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, masyarakat juga perlu mengambil maklum bahawa bantuan kebajikan yang diberikan adalah bersifat sementara dan untuk tempoh tertentu sahaja.